

# MoU perbankan Islam

**Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Majan College (University College), Oman sebagai perkongsian kerjasama dalam bidang kewangan dan perbankan Islam.

Melalui kerjasama itu, dua program akademik yang dirangka (FEM) USIM iaitu Master of Islamic Banking and Finance dan Executive Course in Islamic Banking and Finance of CEO of Bank akan ditawarkan secara offshore oleh Majan College (University College) di Oman.

Majlis disempurnakan Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr Asma Ismail manakala Majan College (University College) diwakili dekannya, Dr Maha Kobeil.

**KERJASAMA yang terjalin membuka peluang kedua-dua institusi untuk mengukuhkan lagi kepakaran dalam bidang kewangan dan perbankan Islam.**

Universiti Sains Islam Malaysia

Majan College

